



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 181

AKTA PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL 1977

Sebagaimana pada 1 Disember 2011

**AKTA PEMBERIAN PERTAMBAHAN
HASIL 1977**

Tarikh Perkenan Diraja	2 Mac 1977
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	10 Mac 1977
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1326 yang mula berkuat kuasa pada	29 Disember 2007

CETAKAN SEMULA TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	2002
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	2006

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 181

AKTA PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL 1977

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemberian kepada Negeri
3. (*Dipotong*)
4. Pembahagian antara Negeri sama banyak dan berdasarkan bilangan penduduk
- 4A. Pembahagian antara Negeri yang keluaran kasar dalam Negeri per kapitanya kurang daripada purata negara
- 4B. Pembahagian antara Negeri mengikut peratusan keluaran kasar dalam negeri
5. Peruntukan selepas audit
6. Maksud pemberian
7. Pemberian dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 181

AKTA PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL 1977

Suatu Akta untuk memperuntukkan pemberian pertambahan hasil kepada Kerajaan Negeri berdasarkan pertambahan hasil persekutuan dengan tujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu.

[1 Januari 1975]

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (3) Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan bahawa Parlimen boleh, melalui undang-undang, memberi pemberian bagi maksud tertentu kepada mana-mana Negeri mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, INILAH DI PERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1975.

Pemberian kepada Negeri

2. (1) Apabila terdapat pertambahan dalam hasil Persekutuan dalam mana-mana tahun kewangan berbanding dengan tahun kewangan yang sebelumnya, Menteri hendaklah bagi tahun kewangan yang berikutnya

memperuntukkan bagi maksud membuat pemberian di bawah seksyen 4, 4A dan 4B suatu amaun yang tidak melebihi dua ratus lima puluh juta ringgit yang hendaklah dibahagikan seperti yang berikut:

- (a) suatu bahagian daripada amaun itu yang tidak melebihi lima puluh juta ringgit bagi maksud seksyen 4;
- (b) suatu bahagian daripada amaun itu yang tidak melebihi satu ratus juta ringgit bagi maksud seksyen 4A; dan
- (c) bahagian selebihnya yang tidak melebihi satu ratus juta ringgit bagi maksud seksyen 4B.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), had dua ratus lima puluh juta ringgit, lima puluh juta ringgit dalam perenggan (a), satu ratus juta ringgit dalam perenggan (b) dan satu ratus juta ringgit dalam perenggan (c) boleh dikaji semula dan diubah oleh Menteri.

3. *(Dipotong oleh Akta A475).*

Pembahagian antara Negeri sama banyak dan berdasarkan bilangan penduduk

4. Jumlah wang yang diperuntukkan di bawah perenggan 2(a) hendaklah dibahagi-bahagikan sebagai pemberian antara Negeri seperti yang berikut—

- (a) setengah daripada jumlah itu hendaklah dibahagi-bahagikan sama banyak antara tiga belas buah Negeri; dan
- (b) setengah yang selebihnya hendaklah dibahagi-bahagikan secara berkadar antara Negeri-Negeri, berdasarkan bilangan penduduk tiap-tiap buah Negeri sebagaimana yang ditentukan dalam banci akhir yang diambil sebelum tahun kewangan yang sebelumnya, mengikut dua bahagian bagi seorang bagi lima ratus ribu orang yang pertama, satu bahagian bagi seorang bagi lima ratus ribu orang yang berikutnya dan setengah bahagian bagi seorang bagi bilangan penduduk yang selebihnya bagi tiap-tiap buah Negeri.

Pembahagian antara Negeri yang keluaran kasar dalam Negeri per kapitanya kurang daripada purata negara

4A. Jumlah wang yang diperuntukkan di bawah perenggan 2(b) hendaklah dibahagi-bahagikan sebagai pemberian antara Negeri yang keluaran kasar dalam negeri per kapitanya kurang daripada purata negara bagi keluaran kasar dalam negeri per kapita. Keluaran kasar dalam negeri per kapita bagi Persekutuan dan semua Negeri bagi Persekutuan hendaklah ditetapkan oleh Persekutuan. Pemberian yang diberikan kepada tiap-tiap Negeri yang layak hendaklah seimbang dengan peratusan yang diperolehi daripada perbezaan antara purata negara dengan keluaran kasar dalam negeri per kapita Negeri yang layak itu berbanding dengan jumlah kesemua perbezaan antara purata negara dengan keluaran kasar dalam negeri per kapita tiap-tiap Negeri yang layak itu.

Pembahagian antara Negeri mengikut peratusan keluaran kasar dalam negeri

4B. Jumlah wang yang diperuntukkan di bawah perenggan 2(c) hendaklah dibahagi-bahagikan sebagai pemberian antara Negeri mengikut peratusan keluaran kasar dalam negeri bagi setiap Negeri. Keluaran kasar dalam negeri bagi Persekutuan dan semua Negeri bagi Persekutuan hendaklah ditetapkan oleh Persekutuan.

Peruntukan selepas audit

5. Jumlah yang ditetapkan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c) bagi peruntukan di bawah sesuatu tahun kewangan hendaklah diperuntukkan hanya selepas akaun semua hasil yang diterima oleh Persekutuan bagi tahun kewangan yang sebelumnya ditutup dan diaudit.

Maksud pemberian

6. Pemberian yang dibuat kepada sesuatu Negeri di bawah seksyen 4 dan 4B hendaklah digunakan untuk menambah secara keseluruhan hasilnya dan pemberian yang dibuat kepada sesuatu Negeri di bawah seksyen 4A

hendaklah digunakan bagi mana-mana atau kesemua maksud pembangunan tertentu yang berikut—

- (a) bekalan air;
- (b) perumahan awam;
- (c) pemajuan kawasan perusahaan;
- (d) kerja-kerja kecil; dan
- (e) apa-apa projek pembangunan lain sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Kewangan Negara yang ditubuhkan di bawah Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan.

Pemberian dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan

7. Pemberian yang dibuat kepada Negeri di bawah seksyen 4, 4A dan 4B hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 181

AKTA PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL 1977

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk Ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1326	Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007	29-12-2007
Akta A475	Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 1980	01-01-1978; kecuali seksyen 2 dan seksyen 7 berhubung dengan perenggan 2(b) dan Akta ibu; 01-01-1983
P.U. (B) 430/83	Pemberitahuan Kaji Semula dan Perubahan Had-Had Pemberian-Pemberian di bawah Seksyen 2	01-01-1983

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA 181****AKTA PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL 1977**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1326 P.U. (B) 430/1983 Akta A475	29-12-2007 01-01-1983 01-01-1980
3	Akta A475	01-01-1978
4	Akta A475	01-01-1978
4A	Akta A475	01-01-1978
4B	Akta A1326	29-12-2007
5	Akta A1326 Akta A475	29-12-2007 01-01-1978
6	Akta A1326 Akta A475	29-12-2007 01-01-1978
7	Akta A475	01-01-1978
